

KEJUARAAN MOTOSIKAL ASIA

www.asiaroadracing.com



Adam langsung tak kekok

→ Bekas pelumba Moto3 tekad beraksi walaupun baru pulih selepas pembedahan

Oleh Sukhairi Thani
sukhairi@NSTP.com.my

► Sepang

Selepas tiga bulan tidak berlumba secara kompetitif, kini bekas pelumba Moto3 negara Adam Norrodin kembali menghangatkan litar Kejuaraan Motosikal Asia Idemitsu (ARRC) yang membuka tirainya di Sirkit Antarabangsa Sepang (SIC), hujung minggu ini.

Adam yang beransur pulih daripada pembedahan bahu dan lutut selepas cedera di Grand Prix (GP) Jepun, Oktober lalu, bakal beraksi dalam kelas SuperSports 600cc bersama pasukan SIC Junior ZK Racing.

Pelumba dari Batu Pahat, Johor itu menjalani pembedahan bahu dan lutut secara berasingan selepas beraksi di GP Malaysia, November lalu.

Bagaimanapun, berdasarkan keputusan keseluruhan selepas dua

hari ujian pramusim yang berakhir di litar Sepang semalam, pelumba berusia 20 tahun itu jelas sudah dapat melupakan kecederaannya apabila berada di tangga keenam terpantas dengan catatan, 2 minit 11.818 saat (s).

Elak terjatuh

“Selepas kecederaan (berlanjutan dari GP Jepun) hingga ke Sepang, doktor tak menyarankan saya berlumba tetapi dengan bantuan fisioterapi yang diberikan SIC, ia banyak membantu saya minggu ini.

“Alhamdulillah saya puas hati (dengan keputusan pramusim), sebab ini adalah kali pertama saya menunggang semula selepas GP di Sepang.

“Tiga bulan saya tidak menunggang motosikal dan saya gembira kerana dari hari pertama (ujian pramusim) sehingga hari ini, saya sudah mula dapat merasai kelajuan semula dan memahami karakter 600cc ini,” katanya.

Adam dalam pada itu meletakkan sasaran untuk berada dalam kelompok lima terbaik pada hari perlumbaan namun tetap berwaspada dengan tahap pemulihannya.

“Sekarang ini, kecederaan saya masih perlu dijaga sebaiknya, jangan sampai terjatuh kerana kalau terjatuh, kesan kecederaan (yang lama) mungkin bertambah. Jadi minggu ini, saya akan buat yang termampu dan cuba pada (pusingan) yang lain,” katanya.



Alhamdulillah saya puas hati (dengan keputusan pramusim), sebab ini adalah kali pertama saya menunggang semula selepas GP di Sepang”

Adam Norrodin
Pelumba pasukan SIC Junior ZK Racing